

8507

MAHATHIR--WARGANEKARA

(1)

1981

180

PETALING JAYA, 14 APRIL (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENEGASKAN KESETIAAN KEPADA NEGARA MERUPAKAN FAKTOR PENTING DALAM MENENTUKAN KEWARGANEKARAAN MALAYSIA.

KERAJAAN TELAH MENETAPKAN BAHAWA MEREKA YANG MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI TEMPAT TINGGAL MEREKA DAN MEMBERIKAN KESETIAAN KEPADA NEGARA HARUS MENJADI RAKYATNYA, KATANYA.

+MEREKA, DAN MEREKA SAHAJA HARUS DIANUGERAHKAN KEISTIMEWAAN KEWARGANEKARAAN, + KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN TELEGU SEDUNTA YANG KEDUA DI SINI.

--BERSAMBUNG 2015/AN

8525

MAHATHIR--WARGANEKARA 2 PETALING JAYA

KEMUDY DATUK SERI DR. MAHATHIR, BUKAN KERANA KEBANGGAAN SAHAJA SESEORANG MENGGELAR DIRINYA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA TETAPI LEBIH DARIPADA ITU IA MEMBAWA MAKSUD KESEDIAAN MENGORBAN UNTUK KEPENTINGAN NEGARA.

SEBAGAI WARGANEKARA, SESEORANG DIHARAP MENGAMBIL YANG BAIK DENGAN YANG BURUK, KEISTIMEWAAN DENGAN TANGGUNGJAWAB, FAEDAH, DENGAN PENGORBANAN, KATANYA.

INI ADALAH SATU PRINSIP YANG PENTING BAGI SESEBUAH NEGARA POLITIK, TAMBAHNYA.

DATI SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA MERUPAKAN ENTITI-ENTITI POLITIK YANG TERCANTUM KERANA BERSEHASRAT.

MALAYSIA TELAH MEMILIH UNTUK MENJADI SALAH SEBUAH DARIPADA NEGARA-NEGARA POLITIK TERSEBUT, DI MANA PERHUBUNGAN KAUM ATAU GEOGRAFI TIDAK DEPENTING SEPERTI PERPADUAN DAN KEUTuhan POLITIKNYA, KATANYA. -- BERSAMBUNG 2109/A1

B626:

MAHATHIR-WARGANEGARA 3 PETALING JAYA

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGUR MINORITI-MINORITI YANG MEMBANTAH YANG MEMIKIRKAN KESETIAAN ADALAH TERHAD KEPADA KEUNTUNGAN PERIBADI DIMANA SAHAJA IA TERDAPAT.

KATANYA MALAYSIA JUGA MEMPUYAI MEREKA SEMACAM ITU YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI OPPORTUNIS DAN BUKAN WARGANEGARA.

MUJURLAH KEBANYAKAN RAKYAT MALAYSIA TERMASUK MEREKA YANG BERASAL DARI NEGARA LAIN TIDAK BERSIKAP SEPERTI ITU, KATANYA.

KUMPULAN-KUMPULAN YANG MEMBANTAH ITU INGIN MEMBERONTAK ATAU BERTIJARAH SEBAIK SAHAJA KEADAAN DI NEGARA SENDIRI DIANGGAP TIDAK SESUAI LAGI BAGI MEREKA.

MEREKA MELAKUKAN KESETIAAN TETAPI BAGI MEREKA KESETIAAN HANYA BERNAKSUD SEGALANYA HARUS MENGIKUT KEHENDAK MERENA, KATANYA. — BERSAMBUNG 2118/A1

MAHATHIR-WARGANEGARA 4 PETALING JAYA

ORANG-ORANG SEPERTI ITU, KATANYA, TIDAK BERPUAS HATI HANYA BERMASTAUTIN DI NEGARA-NEGARA LAIN MALAH BERSAMA-SAMA RAKYAT ASING UNTUK MENGUTUK NEGARA SENDIRI.

+DAN SEPANJANG MASA ITU MEREKA ENGGAN MENYERAHKAN KEWARGANEGARAAN MEREKA, + UJAR DATUK SERI DR. MAHATHIR.

SEKIRANYA MEREKA WARGANEGARA TULEN, MEREKA MESTI MENERIMA KEHENDAK MAJORITI, KATANYA.

BAGAIMANAPUN, MEREKA MASIH BOLEH MENYUARAKAN BANTAHAN DAN MENCUBA MENERUSI CARA-CARA YANG SAH UNTUK MEMBAWA PERUBAHAN YANG NEMIHAK MEREKA, TAMBANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN UJIAN KESETIAAN MEREKA SEBAGAI WARGANEGARA IALAH KESEDIAAN UNTUK MENERIMA SEBAGAI HAKIKAT APA YANG MEREKA TIDAK DAPAT MENGUBAH. — BERSAMBUNG 2135/A1

B628:

MAHATHIR-WARGANEGARA 5 PETALING JAYA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BANGGA KERANA KEBANYAKAN RAKYAT MALAYSIA BAGAIMANAPUN TELAH MENERIMA HAKIKAT PERLUNYA UNTUK HIDUP DENGAN SEKATAN-SEKATAN YANG HARUS DIKENAKAN OLEH NEGARA INI, SEPERTI JUGA NEGARA-NEGARA LAIN.

TURUT HADIR IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, MENTERI KERJARAYA DAN KEMUDAHAN AWAM, DATUK S. SAMY VELLU, DAN KETUA MENTERI ANDHRA PRADESH, SRI T. ANJALIAH. — BERNAMA 2137/A1